

04 NOV 1997

G15-bincang

G15 BERBINCANG SAMBIL BEREHAT DI MELAKA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MELAKA, 4 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Kumpulan 15 negara membangun (G15) memenuhi hari kedua sidang kemuncak ketujuh mereka dengan mengadakan perbincangan di sebuah pusat peranginan di sini sebaik tiba dari Kuala Lumpur pagi tadi untuk perentian sehari di bandar bersejarah tarikan pelancong ini.

Para pegawai berkata atur cara di sini membolehkan mereka bertemu dan berbincang dalam suasana kasual.

Perkara-perkara yang mungkin menjadi tumpuan ialah kehadiran pemimpin dan kekerapan sidang kemuncak, kata seorang pegawai kanan Wisma Putra sebelum perbincangan itu bermula di Riviera Bay Resort, 10 km dari pusat bandar.

"Ada pemimpin yang mungkin mahu membangkitkan sesuatu, jadi tempat ini sesuai untuk membincangkannya," kata beliau kepada Bernama.

Selain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin lain yang hadir ialah Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Hosni Mubarak dari Mesir, Presiden Alberto Fujimori dari Peru dan Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe.

India diwakili Naib Presidennya Krishan Kant, Argentina juga oleh Naib Presidennya Carlos Ruckauf manakala Jamaica diwakili Timbalan Perdana Menterinya Seymour Mullings.

Yang lain diwakili sama ada oleh menteri atau duta.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata Melaka bangga kerana dipilih untuk lawatan pemimpin-pemimpin itu yang tiba dengan dua bas.

Perjalanan melalui Lebuhraya Utara-Selatan itu membawa mereka melalui pinggir Koridor Raya Multimedia.

Selepas jamuan tengah hari dan satu lagi pusingan perbincangan, pemimpin-pemimpin itu dibawa melawat beberapa tempat menarik dan bersejarah.

Dari situ, mereka akan kembali ke ibu negara. -- BERNAMA

AZZ MAI